

**MESYUARAT PERTAMA PENGGAL KETIGA
DEWAN UNDANGAN NEGERI PULAU PINANG
YANG KEEMPAT BELAS
17 APRIL 2020**

PERKARA : 5(B)(V)9

**SOALAN BERTULIS OLEH AHLI KAWASAN PENGKALAN KOTA
YB. GOOI ZI SEN**

9. Penang Free Wi-Fi.

- (a) Apakah status terkini penstrukturan semula perkhidmatan Wi-Fi percuma tersebut?
- (b) Apakah status terkini Pelan Induk Kesalinghubungan Pulau Pinang (*Penang Connectivity Master Plan*)?

**YB. ZAIRIL KHIR JOHARI
MENJAWAB BAGI PIHAK Y.A.B. KETUA MENTERI**

9. (a) *Penang Free Wifi* (PFW) telah diperkenalkan pada tahun 2009 dengan 1,560 *Access Points* (APs) di 40 Kawasan Ahli Dewan Undangan Negeri (KADUN) Negeri Pulau Pinang. Walau bagaimanapun, Kerajaan Negeri mengambil keputusan untuk menamatkan perkhidmatan ini pada 13 Februari 2019 kerana terdapat beberapa isu berbangkit berkaitan perkhidmatan PFW seperti tahap *bandwidth* dan liputan yang disediakan oleh pihak REDtone International Berhad (REDtone) adalah tidak memuaskan.

Bagi meneruskan usaha menyediakan perkhidmatan wifi percuma di negeri Pulau Pinang, Kerajaan Negeri melalui PDC Telecommunication Services Sdn. Bhd. telah mengiklankan tender *Request for Proposal* (RFP) secara terbuka sebanyak dua (2) kali, namun pembida-pembida gagal untuk menepati kriteria-kriteria utama yang telah ditetapkan. Sehubungan dengan itu, Kerajaan Negeri sedang merancang untuk memasukkan elemen wifi percuma sebagai satu komponen dalam projek-projek

Kerajaan Negeri seperti projek *Smart Bus Stop*, projek *Smart Street Pole* dan lain-lain.

Pelaksanaan perkhidmatan ini akan ditumpukan di kawasan awam seperti pejabat kerajaan, sekolah, pasar awam dan lain-lain. Kerajaan Negeri percaya perkhidmatan wifi percuma perlu disediakan di kawasan-kawasan yang berimpak tinggi terutama sekali dalam meningkatkan usaha untuk mengurangkan jurang digital dalam kalangan masyarakat.

- (b) Bagi pelaksanaan Pelan Induk Kesalinghubungan Negeri Pulau Pinang atau *Penang Connectivity Master Plan* (PCMP), sebanyak tujuh (7) sesi *Focus Group Discussion* (FGD) bagi ketiga-tiga aspek utama PCMP iaitu Infrastruktur, Tadbir Urus dan dan Advokasi Masyarakat telah diadakan. Pihak Bahagian Kerajaan Tempatan (BKT) sedang memuktamadkan draf dokumen PCMP sebelum membentangkan kertas cadangan di dalam Mesyuarat Jawatankuasa Pemandu Pelan Induk Kesalinghubungan negeri Pulau Pinang yang dipengerusikan oleh Y.A.B. Ketua Menteri Pulau Pinang pada bulan Ogos tahun 2020. Dokumen PCMP adalah merangkumi beberapa aspek utama seperti fakta dan statistik jaringan telekomunikasi Negeri Pulau Pinang, Bidang Keberhasilan Utama (*Key Result Area*), Pelan Rangkaian (*Network Plan*) dan perancangan masa hadapan jaringan telekomunikasi negeri Pulau Pinang. Seterusnya, draf PCMP tersebut akan didokumentasikan dan akan menjadi sebagai rujukan utama dalam pembangunan telekomunikasi di Negeri Pulau Pinang.